


15 FEBRUARI 2017



MASYARAKAT MELAYU DI AIR HITAM DAN TANJONG PULAU PINANG (1940-1950an)

Syarahan oleh

**Profesor Datuk Syed Omar
Syed Mohamad Al Saggaff**

Mengenai

Syarahhan Cenpris – Dato’ Jenaton


CenPRIS Dato’ Jenaton Lectures

Siri Syarahhan Cenpris-Dato’ Jenaton bertujuan berkongsi dan merakamkan cerita-cerita mengenai kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam di Pulau Pinang. Ia menjemput individu sebagai sumber sejarah dan penceramah dari pelbagai latarbelakang dan bidang untuk bercerita, mentafsir, dan menggalakan sejarah dan warisan Melayu serta pertembungan Melayu-Islam dengan budaya-budaya dan etnisiti dalam dan luar rantau kepulauan Melayu.

Syarahhan Cenpris – Dato’ Jenaton

Dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa [CenPRIS], Universiti Sains Malaysia, dengan kerjasama Keluarga Dato’ Jenaton [K-Jenaton], Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Pulau Pinang [PEWARISAN] dan Unit Sejarah Lisan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Prof. Datuk Syed Omar Syed Mohamad Al Saggaff



Biodata

Professor Datuk Syed Omar Syed Mohamad Al Saggaff merupakan mantan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi serta wakil tetap Malaysia ke Pertubuhan Persidangan Islam Sedunia (OIC) antara tahun 2008 hingga 2013. Dilahirkan pada 21 Januari 1944, Prof. Datuk Syed Omar sememangnya seorang yang berpengalaman dalam hal ehwal pentadbiran serta akademik. Beliau pernah berkhidmat di Institut Teknologi MARA (ITM) selama 15 tahun bermula pada 1982 sebelum dilantik sebagai Rektor Institut Pengajian Tinggi Islam, Perlis di mana beliau menabur bakti selama tujuh tahun sebelum beliau dilantik sebagai Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITA) Pulau Pinang antara tahun 2004 hingga 2008.

sambungan biodata . . .

Beliau juga pernah dilantik sebagai Professor Adjung di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) serta pernah dipilih untuk berada dalam barisan lembaga pengarah Universiti Antarabangsa Al Madinah yang berpusat di Shah Alam, Selangor. Selain memegang jawatan Duta Besar, beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif SUKOM Ninety Eight Berhad, penganjur Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur. Sebagai seorang yang berpengalaman luas, beliau pastinya mempunyai pelbagai kisah masyarakat yang mampu dikongsi bagi pengetahuan dan tatapan bukan sahaja generasi kini malahan generasi akan datang khususnya sejarah dan perkembangan masyarakat Melayu Air Itam, Pulau Pinang.

Aturcara Majlis

15 FEBRUARI 2017

Bilik Mesyuarat
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS)
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

- 
- 3.00petang : Ketibaan Para Jemputan dan Pendaftaran
- 3.30petang : Kata-kata aluan Pengarah CenPRIS
Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk
- 3.35petang : Pengenalan kepada penceramah
Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican
Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton
- 3.50petang : Syarahan Profesor Datuk Syed Omar
Syed Mohamad Al Saggaff
Mantan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi
- 4.30petang : Sesi Interaksi
- 5.00petang : Majlis Bersurai

Masyarakat Melayu di Air Hitam dan Tanjung, Pulau Pinang (1940-1950an)

oleh

Profesor Datuk Syed Omar Syed Mohamad

Al Saggaff

Mantan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi

Pengenalan


Air Itam pada tahun 1940–50an terdiri dari beberapa kampung dan kawasan di pinggir Georgetown dan Tanjung. Kawasan-kawasan tersebut yang terkenal di masa itu ialah Kampung Baru, Kebun Thena Tek, Kampong Malay Home, Padang Tembak, Kampong Melayu, Air Putih, Bukit Bendera dan Paya Terubung. Sempadan Air Itam di sebelah timur dipisahkan oleh Sungai Air Itam yang terkenal di masa itu dengan Sungai Titi Merah. Sungai itu memisahkan Air Itam dengan Green Lane, Doby Ghaut dan batu Lancang. Di sebelah barat dan selatan Bukit Bendera, di sebelah utara Batu Gantung.

Kampung Baru di masa itu terletak di hadapan Chung Ling High School. Masjid Kampung Bau dapat dilihat di seberang jalan dihadapan sekolah tersebut. Di sebelah utara pula terdapat Rafle Range Road yang terkenal dengan Jalan Padang Tembak.

Di hujung sebelah barat terdapat sebuah sekolah rendah bangunan yang diperbuat daripada papan, tiang batu dan atap genting. Balai polis Kampung Baru dibina kemudahan. Di Kampung Baru juga terapat sebuah rumah papan yang mewah di masa itu iaitu rumah Maryam Basha atau Basha Marican. Padang Tembak atau Rafle Range (Pak Cheu Po) terletak di kawasan tinggi berdekatan dengan perkuburan cina di sebelah utara Air Itam. Pada masa ini, kawasan tersebut didirikan flat dan pasar. Sebelum ini kawasan itu adalah kawasan lapang sebahagiannya digunakan untuk latihan menembak. Sebahagian besar daripada kawasan itu mempunyai beberapa lubang yang luas dan dalam. Menurut cerita, lubang-lubang tersebut ialah kesan daripada tindakan pihak tentera Jepun yang melupuskan bom. Ramai juga yang beranggapan kawasan tersebut berhantu hingga menyebabkan mereka takut untuk ke situ. Ada juga yang ke situ untuk mengutip kelongsong peluru senapang yang diperbuat daripada tembaga di mana ia mempunyai harga yang tinggi.

Di sebelah barat Chung Ling High School yang terletak di selatan Kampung Baru, terdapat sebuah kampong kecil bernama Kampung Malay Home. Di dalam kampong tersebut terdapat sebuah bangunan yang dibina pada zaman pentadbiran British. Bangunan itulah dinamakan Malay Home. Bangunan itu disediakan untuk pelajar-pelajar Melayu yang cemerlang dari seluruh Malaya tinggal disitu di mana mereka dibawa belajar di Penang Free School. Di Kampung Malay Home juga terdapat rumah anak yatim untuk anak-anak yatim orang Islam.

Di sebelah Kampung Malay Home terletak Kebun Thean Tek. Di situ terdapat kebun-kebun sayur dan tempat peliharaan khinzir. Sementara itu, di sebelah barat Kebun Then Tek ialah Kampung Melayu yang diduduki 100% orang Melayu. Di kampung Melayu terdapat sekolah menengah di mana pelajar-pelajar dari kampung-kampung sekelilingnya datang belajar di situ. Di sebelah timur Kampung Melayu ialah Air Putih. Terdapat sebuah masjid di situ. Di sebelah timur Air Putih pula terletak persimpangan Jalan Air Itam-Bukit Bendera. Di sana ada sebuah tugu peringatan bagi mereka yang berjuang untuk Pulau Pinang. Seterusnya, ialah kawasan "Market" Air Itam dan kawasan Paya Terubong. Sangat sedikit orang Melayu tinggal di kawasan tersebut pada masa itu. Bukit Bendera pula dijadikan kawasan menanam sayur dan pokok buah pala. Pada masa itu terdapat empangan di Air Itam. Bukit Bendera hanya mempunyai kolam air di kawasan tinggi berdekatan dengan persimpangan Air Itam-Bukit Bendera di mana pada masa itu juga terdapat sebuah panggung wayang.



Malay Home di Kampung Baru/Kebun Thean Tek

Kawasan yang diduduki oleh orang Melayu ialah Kampung Baru, Kampong Melayu, sebahagian dari Kebun Thean Tek, Kampong Malay Home dan Air Putih. Kebanyakan orang Melayu tinggal di rumah rumah kayu yang lantainya tidak menjejaki bumi serta kedudukan rumah-rumah itu tidak teratur dan dipisahkan di antaranya lorong-lorong sempit. Berlainan pula dengan rumah orang Cina di kawasan tersebut yang lantai rumah mereka terletak di atas bumi. Kebanyakan orang Melayu kerja dengan kerajaan sama ada kerajaan tempatan atau persekutuan. Orang Melayu bekerja sebagai guru, polis, tentera, pemandu bas atau konduktor bas Municipal G.T.M.T. Ada juga yang bekerja sebagai pegawai kesihatan bandaran yang bertanggungjawab tentang kebersihan dan pelupusan sampah dan najis.



Al Mashoor English School 1958

Ini adalah kerana walaupun dinamakan kampong tetapi Air Itam keseluruhannya terletak di dalam Bandar. Kebersihan Bandar begitu penting di masa itu untuk kepentingan kesihatan. Sekiranya demam Malaria merupakan penyakit yang berkaitan dengan nyamuk dan pernah menjadi wabak pada satu ketika, bagi bandar di Pulau Pinang pula terutamanya Air Itam pula dilanda suatu penyakit yang dinamakan “Flays” iaitu penyakit yang dibawa oleh tikus. Penghapusan tikus amat penting di mana dapat dilihat pegawai anti “Flays” menyembur asap sehingga tikus keluar dari lubang lalu ditangkap dan dibunuh. Orang Melayu tidak bekerja sebagai buruh pada masa itu seperti tarik lanca, kereta godi, mengangkut sampah atau najis.


Taraf hidup orang Melayu di masa itu terlalu miskin. Kebanyakannya hidup sederhana sementara para pemuda pemudi pula hidup sebagai orang berpelajaran atau “budak bandar”. Ini akibat daripada pendidikan rendah dan menengah yang banyak diajar di dalam Bahasa Inggeris. Ancaman seperti dadah hanya ganja atau candu yang digemari oleh sebahagian penduduk kaum Cina. Tiada ancaman penyakit lain seperti demam kepialu atau demam kura-kura. Penyakit tersebut diubati dengan sejenis ubat yang dinamakan Quinsin. Oleh hal yang demikian, tiada ancaman besar berkenaan kesihatan terhadap orang Melayu. Memandangkan Air Itam agak berdekatan dengan padang lumba kuda, maka ramai juga orang Melayu bekerja sebagai penjaga kuda yang mahir di mana kebanyakan mereka berketurunan boyan.

Pengangkutan awam dari Tanjung ke Air Itam ialah *Terolly Bus* G.T.M.T, menggunakan kuasa elektrik dan bas Lim Seng Seng berwarna hijau. Di samping itu ada juga perkhidmatan lanca tarik dan lankayuh. Barang-barang diangkut dengan kereta Gadi. Digunakan juga untuk pengangkutan barang lori berenjin dan kereta lembu. Boleh dikatakan hampir keseluruhan penduduk menggunakan pengangkutan awam. Ini kerana ramai pada masa itu tidak mampu untuk memiliki kenderaan sendiri.

Oleh itu amat sedikit yang tidak menggunakan kenderaan awam. Sebagai contoh, seorang guru hanya mampu untuk memiliki sebuah basikal dan memiliki basikal pada ketika itu sudah dianggap sebagai mewah apatah lagi jika seseorang memiliki motosikal atau kereta. Tetapi dari segi keperluan harian, tiada masalah bagi masyarakat Melayu di mana mereka boleh dikatakan mampu dan tidak terlalu miskin. Pengangkutan awam begitu mudah didapati dan boleh ke mana-mana dengan pekhidmatan yang agak selesa dengan harga yang berpatutan.

Trolley bus berpusat di Jetty dan dari sana boleh membuat perjalanan ke utara pulau melalui Penang Road, Burma Road, Bagan Jermal. Ke Barat melalui Penang Road, terus melalui Kampung Makam, Doby Ghaut, Kampung Baru ke Air Itam. Itu adalah pengangkutan Municipal (Perbandaran) oleh Majlis Bandaran. Manakala pengangkutan swasta pula terdiri daripada tiga syarikat besar iaitu Penang Yellow Bus, Hin Company dan Lim Seng Seng Bus yang berpusat di Ujung Pasir atau Perangin Road. Bus Lim Seng Seng mengambil penumpang ke Air Itam seperti *Trolley Bus* manakala Bus Hin Co. meneruskan perjalanan dari tengah bandar ke Bagan Jermal di mana penghujung perjalanan *Trolley Bus* dan meneruskan perjalanan ke Tanjung Tokong, Tanjung Bunga terus melalui pantai-pantai yang indah sehingga ke Teluk Bahang.

*Kebun Thean Tek
Trolley Bus*



Penang Yellow Bus pula bergerak dari Ujung Pasir ke Jelutong di mana stesen terakhir *Trolley Bus* dan meneruskan perjalanan ke Batu Uban, Sungai Nibong, Relau, Bayan Lepas, Sungai Batu sehinggalah sampai ke Balik Pulau.

Di persimpangan Jalan Air Itam dan Jalan Bukit Bendera, disediakan pengangkutan *Trolley Bus* khas dari persimpangan tersebut ke kaki Bukit Bendera di mana terdapat pula pengangkutan keretapi Bukit “Hill Railway” dari bawah terus ke puncak Bukit Bendera. Keretapi ini idak berenjin tetapi ditarik dengan kabel oleh jentera di atas bukit.



Bas ke Bukit Bendera

Keluarga-keluarga terkenal Air Itam ialah keluarga Aidid, Marikan dan Babji. Nama-nama terkenal pula ialah Syed Hasan Aidid seorang Gabenor Pulau Pinang, Basha Marikan yang anak-anak beliau Farida dan Marina Marikan, Abdul Rahim – Rahim&Co, Hail Amir, seorang artis dan penyanyi terkenal serta Othman Marikan dan Habib Marikan.

Salah satu keluarga yang dikenali di Air Itam ialah keluarga Syed Hassan Aidid. Beliau adalah mantan Gabenor Pulau Pinang. Beliau juga merupakan tuan ounya kedai emas di Penang Road yang dikenali sebagai New Gold Company. Keluarga Marikan juga terkenal di Kampung Baru Air Itam iaitu keluarga Basha Marikan dan Maryam Marikan. Anak-anak mereka terkenal di dalam bidang media seperti Faridah marikan dan Marina Marikan. Lain-lain keluarga Marikan ialah Othman Marikan di Jalan Thean Tek dan Habib Marikan, seorang peguam. Ada juga keluarga Babji, seorang doktor haiwan dan anaknya pula, Salim Babji, seorang doktor perubatan. Abdul Rahim berasal dari Kampung Baru yang terkenal dengan Syarikat Rahim&Co. Seorang lagi yang terkenal ialah artis dan penyanyi Hail Amir berasal dari Kampung Baru Air Itam.

Kesimpulannya, Air Itam sepertimana kawasan-kawasan lain di dalam Pulau Pinang mempunyai sejarah dan cerita tersendiri. Baik dari segi gaya hidup masyarakat di situ terutamanya orang Melayu, hinggalah ke pengangkutan dan keluarga-keluarga ternama di Pulau Pinang, Air Itam mempunyai cerita bersejarah dan seharusnya mempunyai nilai pengajaran tersendiri buat generasi-generasi akan datang. Sekalipun sesetengah perkara, Air Itam tidak mampu melwan arus pemodenan dan pembangunan namun “keaslian” Air Itam masih lagi dirasai hingga ke hari ini, sekaligus menjadikannya suatu yang unik di dalam Pulau Pinang yang sememangnya terkenal sebagai negeri bersejarah khususnya buat orang Melayu.

Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton

Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

Rekaletak oleh

Amirudin Othman

Suntingan oleh

Ahmad Faisal Mohamed Fiah

Penerbit

Pengarah

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa

Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Copyright-2017